

13 FEB 1998

Umno-Wanita

HANYA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI BERHAK MENERIMA DERMA BARANGAN KEMAS

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno malam ini memutuskan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri sahaja yang berhak menerima derma berbentuk barangan kemas yang ingin disumbangkan oleh rakyat bagi membantu kegawatan ekonomi negara sekarang.

Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat selama tiga jam itu di sini berkata wanita yang ingin mendermakan barangan kemas mereka boleh berbuat demikian tetapi hendaklah diserahkan kepada lembaga itu.

Bagi mereka yang ingin menjual barangan kemas mereka pula bagi membantu mengatasi kecairan nilai ringgit Malaysia, beliau berkata mereka hendaklah menjualnya di luar negeri dan membawa balik wang asing ke negara ini.

Katanya terdapat ramai juga wanita yang ingin menjual barangan kemas mereka dalam membantu kerajaan mengatasi kejatuhan nilai ringgit itu.

"Kalau jual barang kemas kita di Malaysia, ini tidak bermakna ia akan menambah wang negara kerana untuk membeli barangan kemas itu, tukang emas terpaksa menggunakan duit dalam negeri," katanya.

"Lebih baik, jika hendak dijual, ia dijual di luar negeri dan kita dapat bawa balik wang ke dalam negeri ini," katanya.

Dr Mahathir juga berkata mesyuarat itu membincangkan kedudukan ekonomi semasa negara.

Majlis Tinggi Umno berpendapat bahawa kerajaan belum lagi dapat memastikan keadaan ekonomi sedang pulih dengan baik kerana nilai mata wang Malaysia masih naik turun, katanya.

Sehubungan itu, mesyuarat berpendapat supaya negara ini akan terus mempertingkatkan kerjasama dengan negara-negara jiran dan juga dengan Jepun untuk mencari jalan menstabilkan nilai ringgit Malaysia, kata beliau. --

BERNAMA

SJA AKD